

# Konsep globalisasi perlu ditafsir semula

Um - 9/8/2006

Oleh RAJA LUVENA SHARIFUDDIN

**Globalisasi perlu bergerak bukan sahaja ke arah perdagangan bebas tetapi juga perdagangan adil**

DR. MAHATHIR MOHAMAD  
Bekas Perdana Menteri

**KUALA LUMPUR 8**

Ogos - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, terma globalisasi perlu ditafsir semula untuk memastikan ia memanfaatkan dan mendapat penyertaan semua negara, baik kaya atau miskin.

Globalisasi, katanya, yang gagal menerima sokongan negara-negara miskin dan menjejaskan rundingan Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO), perlu bergerak bukan sahaja ke arah perdagangan bebas tetapi juga perdagangan adil.

"Konsep globalisasi yang dicipta Amerika Syarikat (AS) dan Eropah merupakan suatu yang baik bagi dunia tetapi ia dilihat sebagai hanya memanfaatkan negara-negara pelopor sahaja.

"Oleh itu, untuk mendapatkan penyertaan semua pihak, lebih banyak perhatian perlu diberi ke arah memastikan ia memberi keadilan dalam bidang perdagangan.

"Ia perlu membawa kepada kerjasama antara semua negara,

memanfaatkan semua negara dan mewujudkan situasi menang-menang bagi semua pihak," katanya.

Beliau berkata demikian semasa berucap di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur di sini hari ini.

Syarahan beliau bertajuk 'Globalisasi dan Cabaran-Cabaran Bagi Negara-Negara Maju dan Membangun' disampaikan pada majlis anjuran Dewan Perdagangan dan Industri Malaysia-Jerman (Mgcc).

Turut hadir Naib Presiden Mgcc, Datuk Muhammad Feisol Hassan.

Dr. Mahathir berkata, antara permasalahan perlu dihadapi dalam mencapai hasrat itu ialah membenarkan pelaburan sumber manusia oleh negara miskin ke dalam negara kaya.

"Negara miskin tidak berpeluang melabur di negara kaya kerana tiada dana tetapi mereka memiliki tenaga manusia yang banyak.

"Jika dana dibenarkan bergerak bebas dari negara kaya ke negara miskin, negara kaya perlu membenarkan pergerakan sumber manusia lebih bebas dari negara miskin," ujarnya.

Negara miskin juga, kata beliau, enggan menerima globalisasi kerana takut, pelabur asing akan campur tangan dan mengawal senario tempatan termasuk dalam bidang politik.

"Mereka juga berpendapat negara kaya tidak akan mempedulikan kebajikan rakyat mereka," katanya.

Dalam hal ini, tegas Dr. Mahathir, negara kaya perlu mewujudkan syarat-syarat globalisasi yang menawarkan lebih manfaat kepada negara miskin agar ia dapat diterima.

Sebab-sebab tersebut juga, kata beliau, menyebabkan negara miskin memilih untuk mengamalkan sistem autokratik dan bukannya demokratik.

"Sistem demokrasi kadang-kala



DR. MAHATHIR MOHAMAD

dang tidak menyampaikan yang sepatutnya kerana pemimpinnya diganti dengan kerap dan tidak sempat melaksanakan apa-apa.

"Pada tahun pertama, dia baru belajar selok-belok pentadbiran negara, tahun kedua baru merancang dan mula melaksana tetapi pada tahun ketiga dia sudah diganti," katanya.